

**SOALAN NO. 523**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR  
JOHARI [ BUKIT BENDERA ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah kali terakhir gaji anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dikaji semula, dan apakah perinciannya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian gaji anggota perkhidmatan awam termasuk anggota perkhidmatan Bomba telah dibuat oleh Kerajaan secara berterusan. Hasil daripada kajian tersebut, dalam tempoh 6 tahun ini, Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan gaji seperti berikut:

Tahun	Penambahbaikan Gaji
<b>2012</b>	Kenaikan gaji penjawat awam sebanyak 7 peratus hingga 13 peratus berkuat kuasa 1 Januari 2012.
	Penambahbaikan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada RM80 hingga RM320 kepada Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
<b>2013</b>	Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum dengan penambahan sebanyak 3 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.
	Pemberian faedah pemindahan gaji dengan amaun bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) yang diawalkan pada 1 Julai 2013.
	Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum dengan penambahan sebanyak 2 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum berkuat kuasa pada 1 November 2013.

Tahun	Penambahbaikan Gaji
<b>2015</b>	Pergerakan Gaji Tahunan yang ditambah baik berasaskan kepada kadar tetap 3% diberi kepada pegawai yang mencapai dan berada di gaji maksimum.
<b>2016</b>	Pemberian faedah pemindahan gaji sebanyak 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada 1 Julai 2016.
	Penetapan gaji permulaan terendah daripada RM832 kepada RM1,200 yang memberi kesan kepada penambahbaikan gaji minimum dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum.
	Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum dengan penambahan sebanyak 4 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum.

Penambahbaikan-penambahbaikan ini dinikmati oleh semua penjawat awam, termasuk perkhidmatan Bomba.

Sekian, terima kasih.